# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 15 DISEMBER 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MAFI BERI JAMIN AYAM IMPORT SELAMAT HALAL, NEGARA, KOSMO-4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | BEKALAN AYAM TEMPATAN STABIL MENJELANG FEBRUARI, NASIONAL,SH-21 | |
| 3. | BEKALAN AYAM STABIL FEBRUARI DEPAN, LOKAL, HM-10 | |
| 4. | SUPPLY OF CHICKEN SET TO STABILISE BY NEXT FEBRUARI, NATION,THE STAR-6 | |
| 5. | CHICKEN SUPPLY TO STABILISE IN FEBRUARY, NEWS, TAMIL MALAR-1,11 | |
| 6. | MINISTER : IMPORT OF FROZEN CHICKEN WILL STOP ONCE LOCAL STABILISES, NATION, CHINA PRESS-A6 | |
| 7. | RONALD KIANDEE : IMPORTED FROZEN CHICKEN ARE SAFE AND HALAL CERTIFIED, NATION, KWONG YAH YIT POH-A20A | |
| 8. | MAFI BANTU LEBIH BANYAK PKS AGROMAKANAN TEROKAI PASARAN LUAR NEGARA, BERNAMA ONLINE | |
| 9. | PRODUK REMPAH SUDEE, MAZNAH TEMBUSI EROPAH, UM-ONLINE | |
| 10. | TUTUP LADANG AYAM SAMPAI LALAT TIADA, NEGARA, KOSMO-17 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 11. | DUA LADANG TERNAKAN GAGAL IKUT ARAHAN TUTUP DI PERAK, NEGARA, KOSMO-17 | |
| 12. | NELAYAN MANFAAT MUSIM TENGKUJUH BAIKI PERAHU KOLEK, NASIONAL, UM-17 | LAIN-LAIN |
| 13. | PADAH JUAL BROKOLI, CILI MERAH, TERLALU MAHAL, NEGERI, SH-28 | |
| 14. | HARGA NAIK : ADUN BAWA AYAM SEGAR DALAM SIDANG DEWAN, DALAM NEGERI, UM-12 | |
| 15. | TAK SEMUA MUNTAH PAUS BERNILAI, DALAM NEGERI, UM-6 | |
| 16. | HARGA STABIL PADA SUKU PERTAMA 2022, LOKAL, HM-10 | |
| 17. | A FOWL TO DISPLAY TO DRIVE HOME A POINT, NATION, THE STAR-6 | |
| 18. | WANITA DAKWA TEMUI MUNTAH IKAN PAUS, NASIONAL, BH-22 | |
| 19. | ADUN BAWA MASUK SIDANG DUN, NEGERI,SH-27 | |
| 20. | TERKEJUT JUMPA MUNTAH IKAN PAUS, NEGARA, KOSMO-12 | |
| 21. | AMBERGIS TULEN JIKA DIBAKAR BERBAU HARUM-PAKAR, NEGARA, KOSMO-12 | |
| 22. | TREND HARGA BARANGAN KEPERLUAN MENURUN, NEGARA, KOSMO-16 | |
| 23. | DUA PENIAGA DIKESAN NAIKKAN HARGA BROKOLI, CILI MERAH, NEGARA, KOSMO-16 | |
| 24. | SAMPAH BERNILAI MEWAH, LOKAL, HM-4 | |
| 25. | PERLU DISAH MENERUSI ANALISIS MAKMAL KOMPLEKS, LOKAL,HM-4 | |
| 26. | HARGA BARANGAN PENGGUNA MULA STABIL, NASIONAL, BH-7 | |
| 27. | PRICES OF ESSENTIAL GOODS TO BE STABLE IN 1Q22, CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIAN RESERVE-2 | |
| 28. | SEVEN PELADANGNITA TEAMS SHOWCASE CULINARY SKILLS, HOME, BORNEO POST KUCHING-13 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFI beri jamin ayam import selamat, halal | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 15 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 155,996 |
| Page No | 4 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 256 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,644 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,932 |



# MAFI beri jamin ayam import selamat, halal

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan pengimportan ayam sejuk beku dari luar negara adalah selamat dan halal.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, pengimportan ayam sejuk beku dibuat melalui Jawatankuasa Pengiktirafan Rumah Sembelih bagi Loji Pemprosesan Luar Negara.

"Jawatankuasa ini dianggotai oleh DVS (Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia) dan Jakim (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).

"Jawatankuasa ini adalah merupakan jawatankuasa yang membuat pengiktirafan," katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Mohd. Fasiah Mohd. Fakeh (**PN-Sabak Bernam**) adakah ayam beku yang diimport halal dan bermutu.

Ronald berkata, ketika ini sebanyak sembilan loji di Thailand dan dua loji di China diiktiraf oleh Jawatankuasa Pengiktirafan Rumah Sembelih bagi Loji Pemprosesan Luar Negara.

Jelasnya, perkara itu bukan baru sebaliknya Malaysia ketika ini mengimport ayam keratan dari sembilan loji di Thailand dan dua buah loji dari China.

"Ianya dipantau oleh jawatankuasa dan pengiktirafan dibuat oleh jawatankuasa ini dan tentu sekali pengimportan ayam sejuk beku ini merupakan satu langkah sementara.

"Kementerian akan terus memantau bekalan ayam di pasaran tempatan. Sebaik sahaja ianya stabil dan pulih, langkah intervensi sementara ini akan diberhentikan," katanya.

Terdahulu, katanya, purata keperluan ayam dalam negara sebanyak 3,762 tan matrik sehari atau 113,220 tan matrik sebulan iaitu bersamaan dua juta ekor sehari atau 62.9 juta ekor sebulan.



**PURATA keperluan ayam dalam negara adalah sebanyak dua juta ekor sehari.** – GAMBAR HIASAN

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bekalan ayam tempatan stabil menjelang Februari | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 15 Dec 2021 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 21 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 139 cm² |
| Journalist | Bernama | AdValue | RM 1,557 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,670 |




# Bekalan ayam tempatan stabil menjelang Februari

**KUALA LUMPUR, -** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yakin bekalan ayam tempatan di pasaran akan stabil menjelang Februari tahun depan.

Menteri berkenaan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kementeriannya menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengadakan sesi libat urus dengan pemain industri ayam tempatan supaya memberikan komitmen meningkatkan kapasiti pengeluaran selaras dengan permintaan semasa.

"Masalah ini (bekalan ayam) adalah masalah sementara dan pengimportan (ayam sejuk beku) yang dibuat kerajaan sebagai langkah intervensi adalah langkah sementara. Ia akan diberhentikan sebaik sahaja pengeluaran stabil," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof (Bersatu-Alor Gajah)** mengenai program spesifik dilaksanakan kementerian untuk memenuhi keperluan bekalan ayam sekali gus menstabilkan harga ayam.

Ronald menjelaskan negara sebenarnya memenuhi kadar sara diri (SSL) dan hanya import ayam keratan untuk diproses.

"Disebabkan oleh PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) pihak industri mengurangkan pengeluaran ayam tempatan dan keadaan ini menjadi kritikal apabila ekonomi kembali dibuka dan permintaan untuk ayam bertambah," katanya.

Dalam pada itu, beliau memberi jaminan pengimportan ayam sejuk beku dari sembilan loji di Thailand serta dua di China adalah selamat dan halal serta melalui Jawatankuasa Pengiktirafan Rumah Sembelih bagi Loji Pemprosesan Luar Negara yang dianggotai Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). - *Bernama*

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bekalan ayam stabil Februari depan | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 15 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 10 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 166 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,514 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,542 |



# Bekalan ayam stabil Februari depan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) yakin bekalan ayam tempatan di pasaran akan stabil menjelang Februari tahun depan.

***Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee*** berkata, kementeriannya menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengadakan sesi libat urus dengan pemain industri ayam tempatan supaya memberikan komitmen meningkatkan kapasiti pengeluaran selaras dengan permintaan semasa.

"Masalah ini (bekalan ayam) adalah masalah sementara dan pengimportan (ayam sejuk beku) yang dibuat kerajaan sebagai langkah intervensi adalah satu langkah sementara. Ia akan diberhentikan sebaik sahaja pengeluaran stabil," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan ***Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof (Bersatu-Alor Gajah)*** mengenai program spesifik dilaksanakan kementerian untuk memenuhi keperluan bekalan ayam sekali gus menstabilkan harga ayam.

> "Masalah ini (bekalan ayam) adalah masalah sementara"
> Ronald

Ronald menjelaskan negara sebenarnya memenuhi kadar sara diri (SSL) dan hanya mengimport ayam keratan untuk diproses sebagai nuget dan sosej.

"Disebabkan oleh PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) pihak industri mengurangkan pengeluaran ayam tempatan dan keadaan ini menjadi kritikal apabila ekonomi kembali dibuka dan permintaan untuk ayam bertambah," katanya.

Menurutnya, pengeluaran ayam pada Oktober lalu adalah 52.05 juta ekor dan pengeluaran tersebut menurun kepada 51.4 juta ekor pada November, kekurangan 17.73 peratus berbanding keperluan sebenar.

Unjuran pengeluaran ayam pada Disember disasarkan 61 juta ekor, katanya.

Dalam pada itu, beliau memberi jaminan pengimportan ayam sejuk beku dari sembilan loji di Thailand serta dua di China adalah selamat dan halal serta melalui Jawatankuasa Pengiktirafan Rumah Sembelih bagi Loji Pemprosesan Luar Negara yang dianggotai Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Powered by: isentia

| Headline | Supply of chicken set to stabilise by next February | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 15 Dec 2021 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 175,986 |
| Page No | 6 | Readership | 527,958 |
| Language | English | ArticleSize | 131 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,144 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,432 |



# Supply of chicken set to stabilise by next February

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Industries Ministry is confident that the chicken supply will be stabilised by February next year, says its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said his ministry, through the Veterinary Services Department (DVS), had held engagement sessions with poultry industry players who gave their commitment to increase production capacity in line with current demand.

"This problem (chicken supply) is temporary and the import (of frozen whole chicken) by the government is a temporary measure too.

"It will be stopped as soon as local production has stabilised," he said during the Ministers' Question Time session in the Dewan Rakyat yesterday.

He was replying to a supplementary question from Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof (Bersatu-Alor Gajah) on specific programmes implemented by the ministry to ensure enough supply, and thus stabilise chicken prices.

"Due to the movement control order, the industry reduced production and it became critical when the economy reopened and demand for chicken increased," Bernama quoted him as saying.

He said the production of chickens in October was 52.05 million birds, but it dropped to 51.4 million in November – a shortfall of 17.73%, compared to actual needs.

The projected chicken production this month was 61 million, he said.

The average chicken demand in the country is 3,762 tonnes per day or 113,220 tonnes a month, he said.

He gave his assurance that the frozen chickens imported from nine plants in Thailand and two in China were safe and halal as the matter had been handled by an inspection committee comprising the DVS and Jakim, the Islamic Development Department of Malaysia.

Powered by: isentia

| Headline | Chicken supply to stabilise in February | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Tamil Malar | | |
| Date | 15 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 22,000 |
| Page No | 1,11 | Readership | 180,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 217 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,115 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,345 |





# கோழி இறைச்சியின் விநியோகம் பிப்ரவரியில் சீரடையும்

**கோலாலம்பூர், டிச. 15 -**

அடுத்தாண்டு பிப்ரவரியில் கோழியின் விநியோகம் சீரடையும் என்று விவசாய. உணவுத் தொழில்துறை அமைச்சர் ரோனால்ட் கியாண்டி தெரிவித்தார். கால்நடைச் சேவை இலாகாவுடன் நடத்தப்பட்ட கலந்தாய்வில், உற்பத்தி யாளர்கள் தேவைக்கு ஏற்ப கோழி உற்பத்தியை அதிகரிக்க வாக்குறுதி அளித்திருப்பதாக அவர் தெரிவித்தார்.

பக் 11

Powered by: isentia

| Headline | Chicken supply to stabilise in February | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Tamil Malar | | |
| Date | 15 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 22,000 |
| Page No | 1,11 | Readership | 180,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 217 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,115 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,345 |

## முதல் பக்கத் தொடர்ச்சிகள்...

### கோழி இறைச்சியின்..

கோழிக்கான தட்டுப்பாடு தற்காலிகமானதே. மேலும், பதப்படுத்தப்பட்ட கோழியின் இறக்குமதியும் தற்காலிகமானதே என்றும், உள்நாட்டில் உற்பத்தி அதிகரித்தால், வெளிநாடுகளில் இருந்து கோழியின் இறக்குமதி நிறுத்தப்படும்.

நாடாளுமன்றத்தில் அலோர் காஜா பெர்சத்து எம்பி முகமட் ரெட்ஸுவானின் கேள்விக்குப் பதிலளித்த அவர் எம்சிஓ காலத்தில் கோழி உற்பத்தி முழுமையாகச் செயல்படவில்லை என்பதால் தேவைக்கு ஏற்ப கோழி விநியோகிக்கப்படவில்லை.

கடந்த அக்டோபர் மாதத்தில் 52.05 மில்லியன் கோழிகள் உற்பத்தி செய்யப்பட்ட வேளையில், நவம்பர் மாதத்தில் 51.4 மில்லியன் கோழிகள் சந்தைக்கும் வந்ததாகவும் டிசம்பரில் 61 மில்லியன் கோழிகள் சந்தைக்கு வருமென்று எதிர்பார்க்கப்படுவதாக அவர் தெரிவித்தார்.

நாளொன்றுக்கு சராசரியாக 3,762 டன் கோழிகள் அல்லது மாதமொன்றுக்கு 113,220 டன் கோழிகள் தேவைப்படுவதாகவும் அவர் தெரிவித்தார்.

இதனிடையே தாய்லாந்திலிருந்து 9 ஆலைகள், சீனாவிலிருந்து இரு ஆலைகளில் இருந்து இறக்குமதி செய்யப்படும் கோழிகள் பாதுகாப்பானதாகவும் ஹலால் அங்கீகாரம் பெற்றதாகவும் இருப்பதாக அவர் தெரிவித்தார்.

Powered by: isentia

| Headline | Minister: Import of frozen chicken will stop once local supply stabilises | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 15 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A6 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 99 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,953 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,858 |



農長

# 肉雞供應回穩 停入口冷凍雞

（吉隆坡14日讯）农业与食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，国内养鸡业者已向政府保证提高产量，一旦肉鸡供应在明年2月趋稳后，从外国入口冷冻鸡的干预措施将会停止。

他说，为了应付国内肉鸡需求，该部采取干预措施，包括从获得认证的外国屠宰场，进口冷冻鸡，并通过大马兽医服务局（DVS）与本地养鸡业者开会讨论，业者承诺根据当前需求，提高生产量，因此，该部相信肉鸡供应将在明年2月恢复稳定。

"为了缓解市场需求，农业部批准入口冷冻鸡，即从本月至2022年2月，每月进口1万吨或550万只冷冻鸡。这些冷冻鸡的供应须来自获政府认证的屠宰场。"

他说，该部将确保入口冷冻鸡措施，不会对本地业者造成影响。

罗南建迪今日在国会下议院的部长问答环节，回答土著团结党沙白安南区国会议员拿督莫哈末法西业的提问时，这么指出

他说，目前国内肉鸡短缺，主要是因行动管制令实施期间，鸡农减少生产，但随著国家复苏计划实施，肉鸡需求量增加。

他说，目前我国的肉鸡每日需求量是3762公吨，或每日200万只。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ronald Kiandee : Imported frozen chicken are safe and Halal certified | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 15 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A20a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 162 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,816 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,448 |



# 农长:从外国进口冷冻鸡
# 安全及符合清真

（吉隆坡 14 日讯）农业及食品工业部拿督斯里罗南建迪说，我国从外国进口的冷冻鸡是安全及符合清真。

他说，我国也非首次进口冷冻鸡，之前也曾进口冷冻鸡肉作为鸡肉块的加工。

他在国会下议院回答沙白安南国会议员拿督莫哈末法夏的提问说，为解决鸡肉短缺问题，政府已准许进口冷冻鸡作为暂时性措施。



罗南建迪解释，本地鸡肉供应可以在明年 2 月期间稳定。

莫哈末法夏要求农业和食品工业部长说明目前市场上鸡肉供应短缺的程度，并说明允许从国外进口冷冻鸡肉的措施的程度能够克服和解决鸡肉供应短缺的问题。

他说，今年 12 月至明年 2 月期间，政府考量在规定条件下，允进口至每月 1 万公吨或 550 万只鸡。

他说，有意进口的公司必须向马来西亚公司委员会注册，以及备有冷冻储存设施，只有获得政府批准的国家与屠宰场才准进口。

罗南建迪说，我国的平均鸡肉需求量为每天 3762 公吨或每月 11 万 3220 吨，平均每天 200 万只或每月 6290 万只。

他说，我国在 10 月产量为 5205 万只鸡，11 月减至 5140 万只，比实际需要少了 17.73%。预计 12 月的鸡肉产量为 6100 万只。

他说，市场鸡肉供应短缺的部分原因是我国经济领域在 10 月开始后出现的急剧增加所致。

为解决短缺问题，政府已准许进口冷冻圆鸡作为确保市场上鸡肉供应始终充足且价格稳定合理的干预措施。

他说，在本地鸡肉供应稳定之前，会采取这种临时性的干预措施，而农业部也会管制这些鸡肉进口，并确保这些进口鸡肉不会影响当地养鸡业。

他说，部门有信心本地养鸡业的市场供应可以在明年 2 月期间稳定。#

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2021 | BERNAMA | ONLINE | |

# MAFI BANTU LEBIH BANYAK PKS AGROMAKANAN TEROKAI PASARAN LUAR NEGARA



Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Datuk Haslina Abdul Hamid (tiga, kiri) ketika hadir pada Majlis Flag Off Pengeksportan Produk Syarikat World Prominence Sdn Bhd di Taman Perindustrian IKS Kawasan MIEL, Batu Caves hari ini.

**KUALA LUMPUR, 13 Dis** -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membantu lebih banyak syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berasaskan agromakanan untuk memasuki pasaran luar negara.

Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid berkata antaranya dari segi membantu meningkatkan produktiviti perusahaan PKS tempatan supaya dapat memenuhi permintaan pasaran luar.

"Perbincangan juga sentiasa dilakukan dengan lapan kaunselor pertanian di luar negara serta pihak kerajaan dan swasta di sana bagi menjalinkan diplomasi makanan," katanya selepas melancarkan pengeksportan produk syarikat World Prominence Sdn Bhd ke pasaran United Kingdom dan Eropah di sini hari ini.

Beliau berkata di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) MAFI menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menjalin kerjasama strategik dengan ejen pemasar di luar negara yang dilantik untuk mempromosi dan memadankan perniagaan tempatan dengan pemain industri luar negara bagi meningkatkan permintaan dan tempahan eksport.

"Di bawah RMK12 juga, pelbagai inisiatif kerjasama awam swasta dijalankan FAMA dan Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan MAFI untuk membawa produk tempatan ke luar negara," katanya.

Terdahulu, beliau menyempurnakan flag-off pengeksportan produk syarikat World Prominence Sdn Bhd ke pasaran United Kingdom dan Eropah di ibu pejabat syarikat itu di Batu Caves, di sini hari ini.

Sebanyak 787 karton rempah masakan pracampur jenama SUDEE dan Maznah keluaran Syarikat World Prominence Sdn Bhd akan dipasarkan ke pasaran itu.

"Tempahan eksport ke United Kingdom kini sedang dalam pelayaran dan dijadualkan tiba awal Januari tahun depan manakala pelayaran eksport ke Eropah dijangka berlepas pada 16 Dis ini," kata Haslina.

Beliau berkata produk itu akan dipasarkan menerusi tiga platform e-dagang di United Kingdom, Belanda dan Jerman selain akan dijual di pasar raya terpilih di Belanda, Jerman dan Switzerland.

Haslina berkata bagi menembusi pasaran negara luar, usahawan tempatan perlu berinovasi supaya dapat memenuhi citarasa pasaran yang ingin ditembus bagi memudahkan penerimaan pelanggan.

Sementara itu, FAMA dalam kenyataan memaklumkan World Prominence Sdn Bhd adalah antara peserta program pembangunan eksport anjuran MAFI melalui FAMA dan menerima tempahan eksport bernilai lebih RM200,000 untuk dipasarkan ke United Kingdom dan Eropah.

Pengeluar produk rempah masakan pracampur di bawah jenama SUDEE dan Maznah itu hari ini melancarkan eksport sebanyak 132 karton bagi pasaran United Kingdom dan 655 karton bagi pasaran Eropah.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2021 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

**PRODUK REMPAH SUDEE, MAZNAH TEMBUSI EROPAH**

Oleh AMREE AHMAD
15 Disember 2021, 2:09 am




HASLINA Abdul Hamid (dua, kiri) ketika pelancaran pelepasan produk jenama SUDEE dan Maznah ke Eropah di Batu Caves, Selangor, semalam. – Ihsan FAMA

**PUTRAJAYA:** Setelah berjaya membina bisnes lebih 20 tahun di Malaysia, jenama produk rempah terkenal tempatan, SUDEE dan Maznah mula menembusi pasaran benua Eropah pula.

Ia melibatkan sejumlah 787 karton keluaran World Prominence Sdn. Bhd. dengan bakal dijual melalui platform e-dagang di tiga negara dan rangkaian pasar raya terpilih di tiga negara lagi.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid, inisiatif itu hasil kejayaan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak yang berkaitan.

"Ini antara usaha kementerian bagi bantu lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berasaskan agromakanan untuk memasuki pasaran luas pelbagai negara Eropah," katanya.

Terdahulu, beliau melancarkan acara pelepasan pengeksportan sulung produk syarikat yang beribu pejabat di Taman Perindustrian IKS Kawasan MIEL, Batu Caves itu dekat sini semalam.

Turut hadir sama ialah Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Zainal Abidin Yang Razalli serta pegawai kanan kementerian itu dan syarikat tersebut.

World Prominence Sdn. Bhd. ditubuhkan sejak 1997, antara usahawan bumiputera PKS yang menyertai program khas pembangunan eksport anjuran pihak kementerian itu melalui FAMA.

Hasil jalinan kerjasama padanan perniagaan dengan pemain industri luar negara, syarikat itu sudah menerima tempahan bernilai lebih RM200,000 untuk dijual di beberapa negara Eropah.

"Produk PKS ini dijangka tiba di benua itu dalam beberapa hari lagi sebelum bakal dipasarkan menerusi tiga wadah e-dagang yang ternama di Britain, Belanda dan Jerman," kata Haslina.

Selain itu ujarnya, tiga operator jaringan pasar raya iaitu Wah Nam Hong di Belanda, Go Asia di Jerman dan One Asian di Switzerland juga bersetuju memasarkan dua jenama berkenaan.

Syarikat tersebut banyak mengeluarkan rempah masakan pracampur pelbagai variasi resipi asli tradisional, Barat, Korea dan sebagainya yang segar tanpa pengawet atau perasa tiruan.

Ia turut ditauliahkan pensijilan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di samping Titik Kawalan Kritikal dan Analisis Bahaya (HACCP) Pertubuhan Standard Antarabangsa (ISO).

Pejabat Perwakilan Pertanian kementerian itu di The Hague, Belanda juga membantu dalam mempergiatkan aktiviti penerokaan pasaran bagi melonjakkan nilai dagangan eksport produk.

"Sepanjang tahun ini, pelbagai promosi dibuat antaranya My Flavours Europe, Fruit Diplomacy serta Malaysia Food Week sama ada secara fizikal di premis dan atas talian," jelas Haslina.

Pendekatan baharu itu tambahnya, selaras Rancangan Malaysia Ke-12 dengan ejen pemasar di luar negara yang dilantik bagi meningkatkan kesedaran dan permintaan pengguna Eropah.

Pada acara tersebut, beliau turut mengadakan sesi sidang video bersama para pengimport dari Jerman bagi membincangkan isu semasa dan peluang pemasaran produk PKS Malaysia. -UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/12/2021 | KOSMO | NEGARA | 17 |

Operasi ternakan kacau ganggu penduduk digantung dua bulan

# Tutup ladang ayam sampai lalat tiada

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN



SEBUAH ladang ayam diarahkan tutup bagi menyelesaikan masalah lalat di Kampung Lembah Jaya, Bentong.



DR. NORLIZAN

**BENTONG** – Ladang ternakan ayam di Kampung Lembah Jaya di sini yang didakwa menyebabkan hidup penduduk tidak tenteram akibat diserang lalat hanya akan dibenarkan beroperasi selepas serangga itu lenyap di kawasan berkenaan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Norlizan Mohd. Noor berkata, ladang itu dikosongkan sehingga isu tersebut selesai.

Katanya, Jabatan Veterinar akan membuat pemantauan dan penilaian setiap minggu sebelum membenarkan ladang itu beroperasi semula.


'Buka pintu, lalat masuk dalam seluar'

KERATAN *Kosmo!* 10 Disember 2021.

"Ladang ternakan ayam tersebut telah diarah dikosongkan selama dua bulan bagi menyelesaikan isu pembiakan lalat yang menyebabkan kacau ganggu.

"Dalam tempoh ini pengusaha perlu membuat pembersihan ladang dan 'rehat' tanpa ternakan bagi memutuskan kitaran hidup lalat," katanya di sini semalam.

Jumaat lalu *Kosmo!* melaporkan nikmat kehidupan di desa tidak lagi dirasai oleh kira-kira 300 penduduk di Kampung Lembah Jaya di sini gara-gara serangan lalat sejak dua tahun lalu.

Serangan itu mengakibatkan 60 rumah di kampung di Simpang Pelangai tersebut terpaksa bertutup 24 jam.

Ahli Majlis Perbandaran Bentong, Datuk Seri Johari Harun dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang, Dr. Kamaliah Ghazali turut melawat ladang yang terletak kira-kira 150 meter daripada rumah penduduk itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/12/2021 | KOSMO | NEGARA | 17 |

# Dua ladang ternakan gagal ikut arahan ditutup di Perak

**IPOH** – Isu ancaman lalat perlu ditangani oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar secara serius dengan membuat pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan masalah tersebut tidak berlarutan.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, pelaksanaan itu perlu dilakukan di seluruh negeri mengikut bidang kuasa yang ada.

Katanya, pihak penternak juga wajib menggunakan bahan antilalat iaitu Effective Microorganism (EM) yang dicampur dalam makanan, minuman dan semburan pada tahi unggas untuk mengelakkan pembiakan lalat.

"Kerajaan negeri sentiasa berusaha bagi menangani masalah lalat yang telah berlarutan sejak sekian lama. Bagi pengusaha ternakan yang tiada lesen pula, segera mohon lesen.

"Penternak berlesen perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan mengikut Enakmen Perladangan Unggas 2005 dan Peraturan Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas 2010," katanya semasa menjawab soalan lisan Ahli Dewan Undangan Negeri Teoh Yee Chern (**DAP- Astaka**) pada sidang DUN semalam.

Razman berkata, ladang besar dan berisiko untuk pencemaran air pula telah diarahkan untuk menyediakan kolam kumbahan dan perlu dirawat dengan EM mengikut kadar yang ditetapkan.

Setakat ini, dua ladang ayam telah diarahkan berhenti operasi kerana gagal mematuhi undang-undang.



**LADANG ayam yang gagal menjaga kebersihan boleh mengundang pencemaran termasuk lalat.** – GAMBAR HIASAN




| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Nelayan manfaat musim tengkujuh baiki perahu kolek

**Kota Bharu:** Lebih 30 nelayan di Pulau Gajah, Pantai Sabak, di sini, memanfaatkan kedatangan musim tengkujuh dengan membaiki perahu kolek dan menjahit pukat.

Mereka turut menaikkan perahu kolek masing-masing ke darat sejak awal bulan lalu.

Bagi Zulkarnain Hasyim, 58, walaupun tiga bulan tiada pendapatan daripada menangkap ikan, dia memanfaatkan kemahirannya membaiki enjin perahu kolek yang menjadi kepakarannya sejak di usia muda lagi.

Selain enjin, Zulkarnain berkata, beliau turut diminta oleh nelayan lain untuk membaiki kerosakan kayu penyokong (tajuk) atau papan di bahagian dalam kolek.

"Setiap kali menjelang musim tengkujuh, kami tetap meneruskan aktiviti berkaitan seperti membaiki kerosakan dan mengecat semula badan perahu kolek.

"Perahu kolek ini dinaikkan ke darat bagi mengelakkan air hujan memenuhi ruang dalam perahu dan jika dibiarkan di sungai, kami perlu berhempas pulas mengeluarkan air bertakung itu setiap masa.

"Tempoh tiga bulan bercuti daripada turun ke laut, beginilah kami dapat mencantikkan semula perahu kolek masing-masing, termasuk memeriksa kerosakan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Walaupun tidak dapat turun ke laut dalam tempoh yang lama, katanya, nelayan masih mampu menjalani kelangsungan hidup kerana ada sebahagiannya membuat pekerjaan lain yang bersifat sementara seperti tukang rumah selain memperoleh Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300 sebulan.



*Zulkarnain membaiki perahu kolek selepas tidak turun ke laut berikutan musim tengkujuh di Kampung Pulau Gajah di Pantai Sabak, Kota Bharu, semalam.* (Foto Nik Abdullah Nik Omar /BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI | 28 |

# Padah jual brokoli, cili merah terlalu mahal

**SEREMBAN** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan telah mengeluarkan notis terhadap dua peniaga sayur yang disyaki melakukan kesalahan mencatut.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan, Abd Muis Samsudin berkata, peniaga terbabit dikenakan tindakan dalam Ops Pasar Sayur-Sayuran yang dilakukan pada 27 November sehingga Ahad lalu.

"Peniaga pertama didapati tidak menurunkan harga sayur brokoli yang dijual di premisnya sedangkan kos pembekalan item itu didapati menurun.

"Ini menyebabkan peratusan margin meningkat sebanyak 4.37 peratus daripada peratusan keuntungan maksimum yang dibenarkan pada tahun semasa," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut beliau, peniaga kedua pula didapati menerima keuntungan maksimum bagi jualan cili merah minyak lebih tinggi iaitu 53.9 peratus berbanding keuntungan maksimum tahun semasa dibenarkan iaitu 44.01 peratus.

Ujar beliau, dua kertas siasatan telah dibuka terhadap dua peniaga berkenaan di bawah Seksyen 14 (1) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda sehingga RM500,000 bagi perbadanan atau syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Tindakan pemantauan berterusan dilakukan melalui operasi ini dilihat memberi kesan positif berikutan hasil pemantauan susulan mendapati kedua-dua premis ini telah menurunkan harga bagi sayur-sayuran tersebut," katanya.

Abd Muis berkata, secara keseluruhan sebanyak 34 notis dikeluarkan sepanjang operasi dilakukan iaitu 17 notis di bawah Pengesahan Maklumat Barangan/Perkhidmatan dan 17 notis bertulis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2021 terhadap rantaian pengedaran sayur-sayuran di Negeri Sembilan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/12/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |



MUHAMAD Arafat Varisai Mahamad menunjukkan ayam segar yang dibawanya dalam Sidang DUN Perak di Ipoh, semalam. - IHSAN URUSETIA DEWAN NEGERI PERAK

# Harga naik: ADUN bawa ayam segar dalam sidang Dewan

**IPOH:** Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak semalam dikejutkan dengan tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kinta, Muhamad Arafat Varisai Mahamad yang membawa seekor ayam segar ketika sesi perbahasan Belanjawan 2022 Perak.

ADUN PKR itu berbuat demikian bagi menegur Razman Zakaria (Pas-Gunung Semanggol) yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri berikutan isu kenaikan harga barang ketika ini.

Menurutnya, ayam yang dibawanya itu dibeli dari sebuah premis di kawasan DUN Gunung Semanggol bagi menunjukkan harga ayam yang naik.

"Saya nak hadiahkan ayam ini sebab tak ada tindakan yang diambil oleh Exco. Saya nak tanya, ada tak dialog diadakan bersama peruncit, pengusaha dan pemborong untuk melihat di mana masalah sebenar kenaikan harga ini?

"Apa peranan Exco, adakah ada tindakan diambil? Saya sendiri buat kerja macam Exco contohnya kita panggil pemborong, peruncit dan rakyat untuk dapatkan maklumat di mana salah silapnya di mana puncanya ke arah penyelesaian.

"Saya harap Exco kerajaan negeri memahami keperitan rakyat akibat kenaikan harga barangan," katanya.

Tindakan itu menarik perhatian beberapa ADUN lain yang turut mencelah antaranya Jamilah Zakaria (BN-Trong) dan Hasnul Zulkarnain Abd. Munaim (Bebas-Titi Serong) ketika sesi.

Sementara itu, dalam sidang akhbar selepas perbahasan, Muhamad Arafat menjelaskan isu harga ayam itu ditujukan kepada Razman kerana kenaikan harga barang berpunca di peringkat ladang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

# Tak semua muntah paus bernilai

**KUALA TERENGGANU:** Tidak semua muntah ikan paus yang ditemukan adalah tulen dan bernilai tinggi kerana kebanyakan sampel yang dianalisis di makmal hanya mengandungi lipid atau lemak.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Hasrizal Shaari berkata, muntah paus atau ambergris yang bernilai tinggi perlu mengandungi tiga bahan aktif iaitu ambrein sebanyak antara 25 hingga 45 peratus diikuti epicoprosterol (30 hingga 40 peratus) dan coprostanone (tiga hingga empat peratus).

Katanya, UMT menerima sejumlah 18 sampel ketulan lilin yang dipercayai muntah ikan paus untuk dianalisis di makmal PPPL sepanjang tahun ini namun kesemuamua bukan muntah tulen.

"Tanpa kandungan tiga bahan aktif berkenaan, ketulan itu tidak mempunyai apa-apa nilai dan kemungkinan berasal



AIDA Zurina Long menunjukkan ketulan yang dipercayai muntah ikan paus di Kemasik, Kemaman, semalam. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

daripada sumber lain," katanya semalam.

Seorang peniaga dari Kemasik, Kemaman mendakwa memiliki ketulan lilin dipercayai muntah ikan paus ketika memancing bersama ahli keluarganya berhampiran Jeti Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) di Marang, baru-baru ini.

Ketulan seberat kira-kira lima kilogram itu kemudian dibawa pulang ke rumah dan kononnya barangan itu adalah muntah paus bernilai tinggi dan boleh dijual RM100,000 sekilogram.

Dalam pada itu, Hasrizal berkata, pihaknya sedia melakukan analisis di makmal bagi ketulan lilin yang dijumpai itu dengan bayaran sebanyak RM500.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/12/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |

# Harga stabil pada suku pertama 2022

*Terima kesan positif pembukaan, pemulihan ekonomi dunia, Program Jualan Keluarga Malaysia beri impak positif*

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Kestabilan harga barangan dijangka dapat dicapai pada pertengahan suku pertama tahun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kestabilan harga itu akan menerima kesan positif daripada pembukaan dan pemulihan ekonomi dunia pada 2022.

Katanya, Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) dilihat memberi impak positif apabila barangan keperluan harian seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras serta barangan proses dijual dengan harga sehingga 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran setempat.

> *Antara barangan yang mendapat permintaan tinggi dan habis dijual adalah ayam, telur, ikan dan minyak masak selain barangan keperluan harian yang lain seperti sayur-sayuran, beras, gula dan tepung"*
>
> **Alexander**

"Antara barangan yang mendapat permintaan tinggi dan habis dijual adalah ayam, telur, ikan dan minyak masak selain barangan keperluan harian yang lain seperti sayur-sayuran, beras, gula dan tepung," katanya melalui satu kenyataan media, semalam.

Sejak awal Disember lalu, kerajaan mengumumkan pelbagai usaha dan tindakan proaktif dalam menangani isu kenaikan harga barangan keperluan.

Beberapa tindakan serta inisiatif dilaksanakan KPDNHEP termasuk pelaksanaan Penguatkuasaan Ops Menu antara 6 November hingga 31 Disember ini, Ops Pasar antara 27 November hingga Ahad lalu,

Inisiatif Membantu Rakyat, Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) bermula Disember hingga Mac 2022), Inisiatif Kawalan Harga, dan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) bermula 7 hingga 31 Disember ini.

Beliau berkata, KPDNHEP menjangkakan langkah itu bakal memberi kesan kepada kestabilan harga barangan keperluan pasaran domestik.

Alexander berkata, sehingga kini, sambutan diterima daripada pengguna bagi program itu menggalakkan dengan membabitkan 28,985 pengunjung dan hasil jualan RM423,844.06.

Menurutnya, menerusi maklum balas yang diterima melalui operasi pemantauan harga yang dijalankan oleh Pegawai Pemantau Harga di 72 pejabat cawangan KPDNHEP seluruh negara, kementerian itu mendapati harga barangan keperluan sudah mula menunjukkan trend penurunan.

Alexander berkata, kementerian akan terus memantau, mengambil tindakan penguatkuasaan dan menilai situasi barangan keperluan utama pengguna.

Katanya, pelaksanaan SHMKM serta Ops yang dilaksanakan juga akan dinilai pelaksanaannya dan dilanjut atau diperluaskan mengikut keperluan.



KEMENTERIAN akan terus memantau, mengambil tindakan penguatkuasaan dan menilai situasi barangan keperluan utama pengguna.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2021 | THE STAR | NATION | 6 |


# A fowl display to drive home a point


**By MANJIT KAUR**
manjit@thestar.com.my


**IPOH:** He did not pull a rabbit out of the hat, but an assemblyman nevertheless caused gasps of astonishment at the Perak state assembly when he held up a slaughtered chicken during a debate on poultry prices.

Muhammad Arafat Varisai Muhamad (PKR-Hulu Kinta) stunned those present in the House yesterday when he suddenly took the chicken out of a plastic bag placed next to him.

Holding the chicken by its head, Muhammad Arafat started talking about the price increase of chickens and how consumers were suffering.

And he made it clear that the bird cost him at least RM10 per kg, saying that he had the receipt as proof.

As he spoke, other assemblymen interrupted with remarks such as "put down the chicken" and "go back and make rendang".

Some of the Yang Berhormat were heard laughing as well.

At one point, Sungai Rapat assemblyman Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin of Parti Amanah Negara, who was seated nearby, got up and went over to "inspect" the chicken.

He appeared to have asked the PKR assemblyman about the chicken, prompting Muhammad Arafat to remark: "Do you want a chicken? Ayam hidup. It's not plastic."

Mohammad Nizar merely returned to his seat after that.

According to Muhammad Arafat, he brought the slaughtered bird into the state assembly as he wanted to highlight the issue of chicken prices.

He claimed that he had not seen any effort from the state administration to deal with the situation, saying that the state executive council had not held meetings with retailers and entrepreneurs to get to know the real problem.

The authorities, he said, must do something about it.

"Since the start of the state assembly last Friday, the state executive council member's explanation is not convincing," Muhammad Arafat said, referring to plantations, agriculture and food industry committee chairman Razman Zakaria.

"There are no concrete plans or drastic action to resolve the issue, so I brought a 'special gift' purchased from the exco's constituency of Gunung Semanggol.

"There is a receipt as well, which shows it costs more than RM10 per kg," Muhammad Arafat said when debating the state budget for next year.

It was reported on Monday that the Keluarga Malaysia Maximum Price Control Scheme is in effect nationwide until Dec 31 as part of the government's efforts to stabilise the price of essential goods and ensure adequate supply.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Azman Adam had said that 12 items listed in the scheme include three categories of chicken, three grades of chicken eggs and some vegetables.



**Stunning move:** Muhammad Arafat holding a chicken during a debate on poultry prices at the Perak state assembly in Ipoh. – Bernama

PERAK
STATE ASSEMBLY

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/12/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 22 |


# Wanita dakwa temui muntah ikan paus

## Pengusaha kedai makan sedia bekerjasama dengan pihak berminat uji kesahihan objek


Oleh Rosli Ilham
bhnews@bh.com.my


**Chukai:** Seorang wanita menemui satu objek dipercayai muntah ikan paus ketika sedang memancing berhampiran Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Marang.

Muntah ikan paus atau nama saintifiknya ambergris dikatakan bernilai tinggi dan dipercayai antara 'bahan' yang dicari dalam perusahaan minyak wangi.

Aida Zurina Long, 41, berkata pada mulanya dia menyangka objek aneh itu adalah sampah, sebelum diberitahu bapanya ia adalah muntah ikan paus.

"Saya menemui ketulan lilin dipercayai muntah ikan paus terapung kira-kira jam 11 malam ketika sedang memancing bersama keluarga pada akhir bulan lalu.

"Pada mulanya saya ingatkan ia sampah dan menarik objek itu menggunakan kayu ke tepi tebing. Keesokan harinya saya pergi semula ke kawasan itu dan mendapati objek terbabit masih ada sebelum mengambil keputusan membawanya pulang ke rumah," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kemasik, di sini, semalam.

Aida Zurina berkata, sebaik menunjukkan objek itu kepada bapanya yang juga nelayan, dia terkejut apabila diberitahu ia adalah muntah ikan paus yang jarang ditemui di negara ini.

"Bapa cuba membakar sedikit objek itu dan ia meleleh seperti lilin serta mengeluarkan bau wangi," katanya yang juga pengusaha kedai makan di Kemasik.

Aida Zurina berkata, dia sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak berminat melakukan ujian bagi menentukan kesahihan dan kualiti objek ditemuinya itu.

Sementara itu, Pengarah Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Hasrizal Shaari berkata, orang ramai dinasihatkan tidak terlalu teruja dengan berita penemuan muntah ikan paus atau ambergris yang kononnya boleh mengubah nasib menjadi kaya sekelip mata.

Ini kerana, katanya, tiada lagi rakyat Malaysia menjadi 'jutawan segera' atau mendapat wang yang banyak selepas menjumpai muntah ikan paus di perairan negara setakat ini.

Beliau berkata, pengesahan ketulenan perlu dibuat untuk memastikan sama ada ketulan ambergris ditemui itu mempunyai nilai tinggi dalam industri minyak wangi atau hanya kandungan lemak sahaja.

"Bersesuaian dengan harga yang sangat tinggi di pasaran, ketulenan ambergris perlu melalui satu analisis makmal yang kompleks dan perlu dirujuk kepada satu standard yang khusus.

"Setakat ini, UMT satu-satunya universiti di Malaysia yang berupaya menentusahkan ketulenan sampel ambergris itu berdasarkan kepakaran PPPL yang turut dibantu pakar di Fakulti Sains dan Sekitaran Marin UMT serta Universiti Plymouth di England," katanya seperti dilaporkan *Bernama*, semalam.

Ambergris adalah bahan berwarna kelabu atau kehitaman kusam yang padat, berlilin dan mudah terbakar. Bahan berharga ini dihasilkan rembesan saluran hempedu yang ada dalam sistem pencernaan ikan paus sperma.

Ambergris sangat dihargai pembuat minyak wangi sebagai bahan penetap yang membolehkan aroma minyak wangi tahan lebih lama, namun kesukaran mendapatkan ambergris menyebabkan kebanyakannya kini digantikan ambroksida sintetik.



*Aida Zurina menunjukkan objek yang ditemui dipercayai muntah ikan paus.*
(Foto Rosli Ilham/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/12/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI | 27 |

# ADUN bawa ayam masuk Sidang DUN

Bertujuan tegur exco berkaitan ketika sesi perbahasan Bajet 2022 Perak

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada Selasa dikejutkan dengan tindakan wakil rakyat, Muhamad Arafat Varisai Mahamad (PKR-Hulu Kinta) yang membawa seekor ayam segar ketika sesi perbahasan Bajet 2022 Perak.

Muhamad Arafat menjelaskan tindakan itu dilakukan bagi menegur **Razman Zakaria (Pas-Gunung Semanggol)** yang merupakan Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak supaya mengambil berat terhadap masalah kenaikan harga barang.

Menurutnya, ayam tersebut dibeli dari sebuah premis di kawasan DUN Gunung Semanggol bagi memperlihatkan harga yang tinggi iaitu sebelum 7 Disember lebih kurang RM10 sekilogram dan terkini berjumlah RM9.30 sekilogram berdasarkan harga kawalan musim perayaan yang ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

FOTO: BERNAMA



Muhamad Arafat membuat kejutan dengan membawa ayam ketika sesi perbahasan dalam Sidang DUN Perak pada Selasa.

SIDANG DUN PERAK

"Saya nak hadiahkan ayam ini sebab tak ada tindakan yang diambil oleh exco. Saya nak tanya, ada tak dialog diadakan bersama peruncit, pengusaha dan pemborong untuk melihat di mana masalah sebenar kenaikan harga ini?

"Apa peranan exco, adakah ada tindakan diambil? Saya sendiri buat kerja macam exco contohnya kita panggil pemborong, peruncit dan rakyat untuk dapatkan maklumat di mana salah silapnya di mana puncanya ke arah penyelesaian," katanya ketika ketika Mesyuarat Kedua, Tahun Keempat Dewan Negeri Perak ke-14 di sini pada Selasa.

Tindakan beliau itu juga menarik perhatian beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) lain yang mencelah ketika sesi perbahasan tersebut.

Sementara itu, ketika sidang akhbar selepas perbahasan itu, beliau menjelaskan isu harga ayam itu ditujukan kepada Razman kerana kenaikan harga barang berpunca di peringkat ladang.

Menurutnya, disebabkan itu perlu diadakan sesi dialog dengan pengusaha dan mencari penyelesaian dengan mengawal harga di peringkat ladang sama ada pemberian subsidi atau sebagainya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2021 | KOSMO | NEGARA | 12 |

Pasaran ambergris tulen dilapor berharga RM211,000 sekilogram

# Terkejut jumpa muntah ikan paus

**Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN**

**KEMAMAN** – Seorang pengusaha kedai makan tidak menyangka mendapat 'rezeki terpijak' apabila menemui objek menyerupai ketulan lilin dipercayai muntah ikan paus di Marang baru-baru ini.

Aida Zurina Long, 41, berkata, dia terjumpa objek itu sewaktu memancing bersama ahli keluarganya berhampiran Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Marang pada pukul 11 malam, akhir bulan lalu.

Dia berkata, pada mulanya, dia mengalihkan objek terapung berhampiran kawasan memancing mereka ke tebing sungai dengan sebatang kayu kerana menyangkanya sampah.

"Tiba-tiba rasa ingin tahu, saya kembali ke lokasi itu pada keesokan harinya.

"Rupa-rupanya itu bukan sampah tetapi ketulan besar berwarna putih lalu menarik minat saya untuk mengambilnya dan dibawa pulang," katanya ketika ditemui di kedai makannya di Kemasik di sini semalam.

Aida Zurina berkata, dia terkejut apabila dimaklumkan bapanya ketulan seberat kira-kira lima kilogram yang dibawa pulang ke rumah itu sebenarnya muntah ikan paus.

Jelasnya, bapanya yang berpengalaman sebagai nelayan mengesyaki objek itu amat berharga sebelum membakar sedikit objek tersebut bagi membuktikan dakwaannya.

"Memang benar ketulan itu mencair dan meleleh seperti lilin sebelum mengeluarkan bau yang sangat harum apabila dibakar.

Difahamkan jika ambergris atau dikenali 'emas terapung' yang dijumpai Aida Zurina itu bergred A, nilai pasarannya kira-kira A$$50,000 (RM211,000) sekilogram.

*Kosmo!* 22 Jun lalu melaporkan sekumpulan nelayan di Yemen menjadi jutawan sekelip mata selepas mereka terjumpa bangkai seekor paus sperma semasa keluar menangkap ikan di tengah laut, baru-baru ini.

Mereka membelah perut bangkai paus tersebut dan menemui ambergris atau muntah paus seberat 127 kilogram. Bahan yang ditemui dalam perut paus itu amat berharga dan digunakan untuk menghasilkan minyak wangi.

Kumpulan nelayan itu kemudian menjual muntah paus tersebut kepada seorang ahli perniagaan Emiriyah Arab Bersatu pada harga A$$1.5 juta (RM6.2 juta).



AIDA ZURINA menunjukkan ketulan dipercayai muntah ikan paus yang ditemuinya di Kemasik, Kemaman semalam.

**Ambergris**

- Dikenali sebagai muntah ikan paus
- Dihasilkan oleh rembesan saluran hempedu yang terdapat di dalam sistem pencernaan ikan paus sperma.
- Ciri-ciri berwarna kelabu atau kehitaman kusam yang padat, berlilin dan mudah terbakar
- Mempunyai bahan aktif iaitu *ambrein* (25-45 peratus), *epicoprosterol* (30-40 peratus) dan *coprostanone* (3-4 peratus).
- Ketulenan boleh diuji menggunakan teknik bantuan instrumentasi berteknologi tinggi seperti Gas Chromatography Mass Spectrometry (GC-MS) dan Fourier Transform Infrared (FTIR)
- Harga jenis gred A mencecah RM211,000 sekilogram
- Guna sebagai penstabil pembuatan minyak wangi supaya aroma tahan lama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/12/2021 | KOSMO | NEGARA | 12 |

# Ambergris tulen jika dibakar berbau harum – pakar

**KUALA TERENGGANU** – Ketulan seberat lima kilogram (kg) yang dijumpai seorang pengusaha kedai makan di Kemasik, Kemaman memiliki ciri-ciri ambergris atau lebih dikenali sebagai muntah ikan paus.

Pengarah Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Hasrizal Shaari berkata, ambergris yang tulen mempunyai sifat seperti lilin dan berbau harum apabila dibakar.

"Satu lagi ciri ambergris (muntah ikan paus) mempunyai sisa gigi sotong yang tidak boleh dihadam oleh ikan paus.

"Saya menasihatkan agar objek yang dijumpai itu dihantar ke makmal Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) UMT untuk ditentukan ketulenannya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Hasrizal berkata, PPPL UMT merupakan satu-satunya pusat penyelidikan institusi pengajian tinggi di negara ini yang memiliki kepakaran ketulenan ambergris.

Beliau berkata, kadar caj dikenakan bagi ujian menentusah muntah ikan paus amat berpatutan iaitu RM420 bagi sampel tempatan, manakala RM1,324 untuk sampel luar negara.

"Setakat ini, kami telah terima 20 sampel termasuk dari Thailand dan Indonesia, tetapi disahkan bukan ambergris.

"Sebaliknya, sampel tersebut sebenarnya mengandungi lemak haiwan disyaki hidupan laut dan tidak mempunyai nilai komersial," katanya.

Katanya, ambergris diguna pembuat minyak wangi sebagai bahan penstabil agar aroma minyak itu tahan lama.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2021 | KOSMO | NEGARA | 16 |



**HARGA purata ayam bersih standard di seluruh negara turun daripada RM9.21 kepada RM9.04 sekilogram.**
– GAMBAR HIASAN

Susulan penguatkuasaan KPDNHEP di seluruh negara

# Trend harga barangan keperluan menurun

**Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendapati harga barangan keperluan di seluruh negara mula menunjukkan trend penurunan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia berdasarkan maklum balas diterima melalui operasi pemantauan harga dijalankan Pegawai Pemantau Harga di 72 pejabat cawangan KPDNHEP seluruh negara.

Beliau berkata, harga purata ayam bersih standard turun daripada RM9.21 kepada RM9.04 sekilogram, telur ayam gred B (30 biji) telah turun RM12.67 kepada RM12.62 dan sayur-sayuran telah turun sebanyak 4.26 peratus hingga 17.47 peratus hasil daripada pematuhan premis.

"Trend penurunan harga itu berlaku hasil pelbagai usaha dan tindakan proaktif diambil KPDNHEP dalam menangani isu kenaikan harga barangan keperluan dan tindakan itu dimulakan sejak awal Disember.

"Antaranya Ops Menu, Ops Pasar, Inisiatif Membantu Rakyat, Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) dan inisiatif kawalan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM)," katanya menerusi kenyataan semalam.

Katanya, pelaksanaan PJKM turut memberi impak positif di mana barangan keperluan harian dapat dipasarkan pada harga sehingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat.

Jelasnya, sambutan diterima daripada pengguna bagi PJKM amat menggalakkan dengan pengunjung seramai 28,985 orang dan hasil jualan RM423,844.06.

Tambahnya, pihaknya mengunjurkan kestabilan harga dapat dicapai pada pertengahan suku pertama 2022 iaitu pada penghujung Januari atau Februari 2022.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2021 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Dua peniaga dikesan naikkan harga brokoli, cili merah



KPDNHEP Negeri Sembilan menerusi Ops Sayur 2021 mengesan tindakan dua peniaga yang mencatut harga sayur.

**SEREMBAN** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan dua peniaga yang melakukan kesalahan mencatut harga sayur-sayuran menerusi Ops Pasar 2021.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan, Abd. Muis Samsudin berkata, menerusi operasi yang dijalankan bermula 27 November hingga 12 Disember lalu, sebanyak 34 notis telah dikeluarkan kepada para peniaga di dalam rantaian pengedaran sayur-sayuran di Negeri Sembilan.

"KPDNHEP mengeluarkan 17 Notis Pengesahan Maklumat Barangan/Perkhidmatan dan 17 Notis Bertulis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Daripada keseluruhan notis itu, dua peniaga disyaki melakukan kesalahan mencatut di bawah Seksyen 14 (1) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, peniaga pertama dikesan melakukan kesalahan itu bagi sayur brokoli yang ditawarkan di premisnya.

"Hasil analisis mendapati kos yang terlibat dalam pembekalan item ini didapati menurun, namun harga yang ditawarkan bagi setiap kilogram brokoli kekal.

"Ini menyebabkan peratusan margin meningkat 4.37 peratus daripada peratusan keuntungan maksimum yang dibenarkan pada tahun semasa," katanya.

Jelasnya, peniaga kedua pula dikesan melakukan kesalahan bagi cili merah minyak di mana peratusan keuntungan maksimum yang direkodkan adalah sebanyak 53.9 peratus berbanding peratusan keuntungan maksimum tahun semasa yang dibenarkan iaitu 44.01 peratus.

"Sehubungan itu, dua kertas siasatan telah dibuka dan jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM500,000 bagi perbadanan atau syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Harga barangan pengguna mula turun, stabil | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 15 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 7 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 326 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,795 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 32,385 |



# Harga barangan pengguna mula turun, stabil



*Alexander Nanta Linggi pada Persidangan Dewan Negara di Bangunan Parlimen, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Harga** barangan pengguna mula menunjukkan penurunan dan dijangka stabil pada pertengahan suku pertama tahun depan iaitu penghujung Januari atau Februari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata kestabilan harga itu akan menerima kesan positif daripada pembukaan dan pemulihan ekonomi dunia pada 2022.

Katanya, Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) dilihat memberi impak positif apabila barang keperluan harian seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras serta barangan proses dijual dengan harga sehingga 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran setempat.

"Antara barang yang mendapat permintaan tinggi dan habis dijual adalah ayam, telur, ikan dan minyak masak, selain barangan keperluan harian yang lain seperti sayur-sayuran, beras, gula dan tepung," katanya dalam kenyataan media semalam.

Beberapa tindakan serta inisiatif dilaksanakan KPDNHEP termasuk pelaksanaan Penguatkuasaan Ops Menu antara 6 November hingga 31 Disember ini, Ops Pasar antara 27 November hingga Ahad lalu.

Ia termasuk Inisiatif Membantu Rakyat, Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) bermula Disember hingga Mac 2022), Inisiatif Kawalan Harga, dan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) bermula 7 hingga 31 Disember ini.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata bekalan ayam tempatan dalam pasaran juga dijangka stabil menjelang Februari ini.

Beliau berkata, jaminan itu diperoleh pihaknya menerusi sesi libat urus Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dengan penggiat industri penternakan ayam tempatan.

Beliau berkata, penggiat industri penternakan ayam tempatan memberikan komitmen untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran selaras dengan permintaan semasa.

"Kekurangan bekalan ayam di pasaran antara lain disebabkan peningkatan permintaan mendadak selepas pembukaan semula sektor ekonomi bermula pada Oktober lalu.

"Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pihak industri mengurangkan pengeluaran ayam tempatan dan keadaan ini menjadi kritikal apabila ekonomi dibuka dan permintaan ayam bertambah.

"Ayam memerlukan dua bulan untuk diternak dan digunakan. Maknanya ada sela dua bulan menyebabkan kekurangan bekalan ayam.

"Sebabkan itu, berdasarkan libat urus kita dengan pihak industri, mereka meyakinkan kita bekalan ayam akan menjadi stabil selepas Februari ini, dengan proses penternakan lebih dilakukan pada ketika ini," katanya di Dewan Rakyat.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Prices of essential goods to be stable in 1Q22 | | |
| MediaTitle | The Malaysian Reserve | | |
| Date | 15 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Corporate Malaysia | Circulation | 12,000 |
| Page No | 2 | Readership | 36,000 |
| Language | English | ArticleSize | 342 cm² |
| Journalist | ANIS HAZIM | AdValue | RM 3,603 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,809 |




# Prices of essential goods to be stable in 1Q22

**THE** price of essential goods is expected to be stable by the first quarter of 2022 (1Q22), according to Domestic Trade and Consumer Affairs (KPNDHEP) Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

"In this regard, it is projected that price stability can be achieved in the middle of the 1Q22, which is at the end of January or February 2022," he said in a statement yesterday.

Earlier, he told Dewan Negara yesterday that Malaysia is affected by the global prices as the feed and poultry raw materials were imported from abroad.

"For example, corn and soy constituted 60% of the components of poultry feed production and the amount we imported is almost 100%," Nanta Linggi said in response to Dewan Rakyat senator Khairil Nizam Khirudin.

He said that the issue of chicken prices also revolves around operating costs resulting from food chain problems such as labour capacity, logistics and middlemen issues.

"Another factor that also affected was the lack of supply to cope with the high demand factor when the economic sector began operations," he stated.

The ministry continues to conduct engagements and discussion sessions with relevant ministries and industries affected by the prices.

"This is mainly to assist in addressing the issue of breeders' operational costs especially from the farm," he said.



Bernama

**According to Nanta Linggi, Malaysia is affected by the global prices as the feed and poultry raw materials were imported from abroad**

Besides, KPDNHEP has recommended soft loan assistance and moratorium facilities to help address the operating costs of their business.

At the same time, the ministry has also implemented the Festive Season Maximum Price Scheme to stabilise unreasonable price increases.

"The price monitoring of goods is also carried out on a daily and consistent basis by the Price Monitoring Officer appointed by the ministry," he noted.

According to him, KPDNHEP is currently developing the Malaysian Family Sales programme for 222 Parliamentary constituencies with a frequency of twice a month.

"The programme involves joint ventures and multi-level involvement of government agencies that will offer a sale price of goods at 15% to 20% cheaper than the market price to help ease the burden of consumers during this time," he added.

The Minister of Agriculture and Food Industries Datuk Seri Ronald Kiandee is also confident that the chicken supply in the market will be stabilised by February next year.

He said his ministry, through the Department of Veterinary Services, held engagement sessions with local poultry industry players who gave their commitment to increase production capacity in line with current demand.

"This problem (chicken supply) is temporary and the import (of frozen whole chicken) made by the government is a temporary measure too. It will be stopped as soon as local production is stabilised," he said at the Ministers' Question Time session in the Dewan Rakyat. — *by ANIS HAZIM*

Powered by: isentia

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: HOME PAGE: 13 PRINTED SIZE: 251.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 3,423.00 ITEM ID: MY0046374854



14 DEC, 2021

## Seven Peladangnita teams showcase culinary skills

Borneo Post (Kuching), Malaysia






The top three Peladangnita teams in a photo with Abdul Aziz (centre).

# Seven Peladangnita teams showcase culinary skills

**KUCHING:** Seventeen Peladangnita (women farmers) in seven teams recently participated in a cooking competition organised by Sarawak Farmers Organisation (SFO).

SFO board member Abdul Aziz Abdullah, who is also Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) Sarawak director, represented SFO board member and Peladangnita Sarawak chairperson Umang Nangku Jabu in officiating at the closing ceremony.

In his speech, Abdul Aziz said women farmers under SFO called Peladangnita Sarawak is actively mobilising women farmers throughout the state.

"The objective of this programme is to promote Peladangnita activities through social media, promote unique recipes by Peladangnita from various areas and to compile these recipes into a book, besides strengthening friendship among members," he said after presenting prizes to the winners.

In the cooking competition held Dec 1 at Kuching Skills College, the seven participating teams were from Area Farmers Organisation (AFO) of Kuching, Kalaka, Sri Gading, Bau, Pantu, as well as combined teams from Baram and Kapit, and Kota Samarahan and Engkilili.

AFO Bau received RM1,000 as first prize while the second winning team from AFO Baram and AFO Kapit received RM600, and AFO Sri Gading received RM400 as third prize.

Four other teams each received RM200 as consolation prize. The winning team will represent Sarawak at the National Farmers, Livestock Breeders and Fishermen Day 2021 in Kuala Lumpur on Dec 23.

AUTHOR: No author available SECTION: HOME PAGE: 13 PRINTED SIZE: 251.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 3,423.00 ITEM ID: MY0046374854



14 DEC, 2021

# Seven Peladangnita teams showcase culinary skills

Borneo Post (Kuching), Malaysia



## SUMMARIES

The top three Peladangnita teams in a photo with Abdul Aziz (centre).

KUCHING: Seventeen Peladangnita (women farmers) in seven teams recently participated in a cooking competition organised b Sarawak Farmers Organisation (SFO). SFO board member Abdul Aziz Abdullah, who is also Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) Sarawak director, represented SFO board member and Peladangnita Sarawak chairperson Umang

Nangku Jabu in officiating at the closing ceremony.